

KHASIAT TUMBUHAN HERBA DALAM SULALATUS SALATIN

AZLINA MUSA *

azlinamusa@umt.edu.my *

Abstrak

Makalah ini akan membincangkan mengenai khasiat tumbuhan herba khususnya dalam bidang perubatan tradisional Melayu berdasarkan peristiwa cerita dalam teks *Sulalatus Salatin*. Tumbuhan herba ialah sayuran tradisional dan turut dijadikan ulam-ulaman sebagai penyedap rasa merupakan sumber makanan orang Melayu sejak dahulu kala. Selain itu, tumbuhan herba yang berpotensi tinggi dalam bidang perubatan tradisional Melayu dikatakan telah pun diperkenalkan semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Sehubungan itu, makalah ini akan mengenalpasti tumbuhan herba yang diangkat oleh pengarang dalam teks *Sulalatus Salatin*. Disamping mengklasifikasikan jenis tumbuhan herba bermanfaat dan berkhasiat. Selain itu, makalah ini akan mengaplikasikan keberkesanan tumbuhan herba sebagai makanan tambahan sehari-hari dan penawar penyembuhan penyakit tertentu. Justeru itu, metodologi kajian menggunakan kaedah kualitatif kajian teks *Sulalatus Salatin* sebagai pelengkap kajian. Melalui pendokumentasian semula pengkajian ini diharapkan ia dapat menyumbangkan sumber khazanah ilmiah untuk tatapan generasi akan datang. Pernyataan masalah kajian mengenal tumbuhan herba yang dikaji dan memupuk kesedaran masyarakat tentang pentingnya tumbuhan herba dan mempratikkan tumbuhan herba dalam kehidupan sehari-hari. Hasil dapatan kajian menunjukkan kepelbagaiannya tumbuhan herba ditemui dalam teks *Sulalatus Salatin*. Disamping tumbuhan herba yang sering kali dijadikan penyedap santapan makanan orang Melayu mempunyai potensi sangat tinggi dan baik untuk kesihatan tubuh badan. Disamping banyak khasiat dalam menjauhi penyakit, merawat dan menyembuhkan penyakit tertentu menggunakan tumbuhan herba di persekitaran dalam konteks perubatan tradisional Melayu. Rumusannya, banyak petua khasiat tumbuhan herba terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin* yang mendatangkan faedah.

Kata Kunci: Keberkesanan, Khasiat, Petua, Teks Sulalatus Salatin, Tumbuhan Herba

Dihantar: 27 November 2022

Disemak: 25 Januari 2023

Diterbit: 30 September 2023

* Pensyarah Kanan di Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia



EFFECTS OF HERBAL PLANTS IN SULALATUS SALATIN

AZLINA MUSA *

azlinamusa@umt.edu.my *

Abstract

This paper will discuss the properties of herbal plants especially in the field of Malay traditional medicine based on the events of the story in the text Sulalatus Salatin. Herbs are traditional vegetables and are also used as side dishes as flavorings and have been a source of food for the Malays since ancient times. In addition, herbal plants with high potential in the field of Malay traditional medicine are said to have been introduced since the time of the Malacca Malay Sultanate. In this regard, this paper will identify the herbal plants that are arranged by the author in the text of Sulalatus Salatin. In addition to classifying types of useful and nutritious herbal plants. In addition, this paper will apply the effectiveness of herbal plants as daily supplements and cures for certain diseases. Therefore, the research methodology uses the qualitative method of studying the Sulalatus Salatin text as a complement to the study. Through the re-documentation of this study, it is hoped that it can contribute a source of scientific treasures for future generations to see. The research problem statement identifies the herbal plants being studied and fosters community awareness of the importance of herbal plants and practicing herbal plants in daily life. The results of the study show the diversity of herbal plants found in the text Sulalatus Salatin. In addition to herbs that are often used to flavor Malay food, they have a very high potential and are good for the health of the body. In addition to many benefits in avoiding disease, treating and curing certain diseases using herbal plants in the environment in the context of Malay traditional medicine. In summary, there are many beneficial herbal tips in the text of Sulalatus Salatin.

Keywords: Effectiveness, Benefits, Tips, Text Sulalatus Salatin, Herbal plan

Submitted: 27 November 2022

Revised: 25 January 2023

Published: 30 September 2023

* Senior Lecturer at Centre for Fundamental and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia



122

1.0 Pengenalan

Sulalatus Salatin merupakan sebuah karya agung yang telah memaparkan perihal kehidupan orang Melayu semenjak zaman animisme, Hindu Buddha dan kedatangan Islam melalui pengislaman Merah Silu yang telah dirajakannya dan dinamai sebagai Sultan Maliku's Salleh (A. Samad Ahmad, 2010: 57). Disamping itu, *Sulalatus Salatin* turut mengangkat tumbuhan herba yang mempunyai banyak khasiat dan berpotensi tinggi dalam kehidupan. Tumbuhan herba yang boleh dimakan secara mentah, dicelur atau direbus atau dimasak yang mempunyai rasa tertentu iaitu pahit, pedak, pedas dan kelat sering kali dikaitkan dengan unsur panas atau sejuk yang dapat membantu membaik pulih keseimbangan tubuh badan manusia melalui gangguan empat unsur iaitu air, api, angin dan tanah dalam mengekalkan semula kesihatan tubuh badan manusia supaya kekal sihat. Menurut Haliza Mohd. Riji (2000), tumbuhan yang rasanya pahit mempunyai sifat panas memainkan peranan untuk memanaskan darah yang sejuk. Sementara tumbuhan rasa pedak berkhasiat untuk menambah angin dalam tubuh badan. Kemudian tumbuhan rasa pedas untuk menghancurkan lemak dan tumbuhan rasa kelat untuk menyembuhkan luka.

Selain itu tumbuhan herba yang pada asasnya telah dijadikan sebagai ulam-ulaman atau sayuran dalam makanan dan pada masa yang sama mencegah penyakit tertentu. Walau bagaimanapun, penggunaan tumbuhan herba yang mengandungi unsur panas atau sejuk dalam bidang perubatan tradisional Melayu dianggap dapat menjauhi seseorang daripada jangkitan penyakit yang tidak diingini oleh tubuh badan. Amalan makan sayuran atau ulaman dapat mencegah penyakit pada peringkat awal dianggap lebih baik daripada merawat dan mengubatinya. Sehubungan itu, Haliza Mohd. Riji (2000), mencegah diri daripada suatu penyakit ialah lebih penting daripada pengubatan. Justeru itu, seseorang harus menjaga kesihatan dirinya sepanjang masa untuk mengekalkan kesihatan tubuh badan.

Walau bagaimanapun, tumbuhan herba berperanan sebagai makanan dan ubatan. Hal ini kerana, kehidupan orang Melayu semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah bergantung pada tumbuh-tumbuhan di alam sekeliling sebagai makanan atau pun ubat penyembuh penyakit. Sekiranya diteliti, tumbuhan sebagai makanan berperanan menghilangkan lapar, membekalkan tenaga, menyihatkan tubuh badan dan penerusan hayat hidup. Sementara itu, tumbuhan sebagai ubatan pula ialah memainkan peranan dalam bidang perubatan tradisional Melayu sebagai menyembuhkan penyakit.

Justeru itu, kehidupan orang Melayu berpandukan *Sulalatus Salatin* telah mempratikkan ulam-ulaman atau sayuran segar sebagai juadah makanan kerana mereka menitikberatkan aspek penjagaan kesihatan tubuh badan sebagai menjauhi penyakit tertentu. Sekiranya diteliti, menjadikan tumbuhan sebagai makanan harian dianggap boleh mengelakkan terkena penyakit. Hal ini kerana, lahirnya kepercayaan tentang jangkitan penyakit dianggap berpunca daripada makanan. Menurut Mustafa Haji Daud (1986) menerangkan tentang makanan dan minuman ialah asas penting dalam kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, makanan dan minuman boleh menjadi punca utama seseorang itu jatuh sakit. Oleh itu, memilih makanan yang berkualiti tinggi adalah penting sebagai mengelakkan terkena jangkitan penyakit dan membantu meningkatkan taraf kesihatan seseorang. Ini menunjukkan orang Melayu dahulu dikatakan takut apabila ditimpa suatu penyakit maka sebab itulah mereka telah pun



mengamalkan tumbuhan sebagai makanan dan ubatan dalam kehidupan sebagai asas penjagaan kesihatan fizikal (luaran) mahu pun dalaman tubuh badan manusia.

Selain itu kesinambungan khasiat tumbuhan herba yang terkandung dalam karya *Sulalatus Salatin* memperlihatkan ketinggian ilmu mengarang Tun seri Lanang yang memartabatkan tumbuhan herba dalam *Sulalatus Salatin*. Hasil penulisan *Sulalatus Salatin* dapat dijadikan panduan mengenai khasiat tumbuhan herba yang terdapat dipersekutaran dan menyemai rasa menghargai sumber alam. Selain itu terdapat data daripada kajian lepas berkaitan dengan statistik hubungan kesalingan antara ulam-ulaman dan kesan kesihatan manusia sebagaimana dalam kajian Nurul Izzah Ahmad, Aminah Abdullah, Md Pauzi Abdullah, Lee Yook Heng, Wan Rozita Wan Mahiyuddin, Siti Fatimah Daud dan Lokman Hakim Sulaiman (2010) yang telah menjalankan kajian menilai tahap pengambilan ulam-ulaman di kalangan orang dewasa di negeri Selangor. Dalam kajian ini menyatakan faktor utama pengambilan ulam-ulaman adalah kerana khasiat yang baik kepada kesihatan dan rasanya yang enak dan unik. Disamping kesedaran pengambilan ulam-ulaman merupakan makanan yang baik untuk kesihatan dan ulam-ulaman mempunyai khasiat dari segi pemakanan dan perubatan kerana kandungan vitamin dan seratnya yang masih terpelihara.

2.0 Objektif Kajian

Kajian ini telah menetapkan beberapa objektif dalam kajian. Antara objektif kajian yang akan dikaji ialah mengenalpasti tumbuh-tumbuhan herba yang terkandung dalam teks *Sulalatus Salatin* dan meneliti kategori tumbuhan herba dalam teks *Sulalatus Salatin*. Seterusnya mengaplikasi khasiat dan kepentingan tumbuhan herba menjadi amalan kehidupan seharian.

3.0 Pernyataan Masalah Kajian

Sulalatus Salatin merupakan karya agung yang mencerminkan ketinggian ilmu pengarang Tun Seri Lanang. Salah satu punca kekuatan masyarakat Melayu Melaka mengekalkan kesihatan tubuh badan fizikal dan dalaman dalam teks *Sulalatus Salatin* adalah amalan tumbuhan herba warisan nenek moyang silam. Dalam pengkajian ini akan mengetahui ketinggian pengetahuan masyarakat Melayu dalam teks *Sulalatus Salatin* terhadap khasiat tumbuhan herba. Hal ini menjelaskan masyarakat Melayu Melaka dalam *Sulalatus Salatin* sudah tahu menggunakan tumbuhan herba sebagai makanan berkhasiat dalam mengekalkan kesihatan tubuh badan dan mengubati penyakit tertentu.

4.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif. Pendekatan kajian diperoleh melalui kajian yang dijalankan terhadap teks *Sulalatus Salatin* sebagai karya utama dalam pengkajian dan dilengkapkan dengan kajian literatur secara sistematik dengan meneliti buku, jurnal yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Kajian ini juga turut melibatkan pencarian bahan-bahan diinternet untuk mangakses maklumat tambahan mengenai kajian ini.



5.0 Khasiat Tumbuhan Herba Dalam *Sulalatus Salatin*

Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu ialah karya agung Melayu yang dikaryakan oleh Tun Seri Lanang pada 1612. Karya agung ini adalah menceritakan mengenai asal usul kerajaan atau Kesultanan Melayu Melaka yang ditulis dari abad ke 15 Masihi hingga Melaka dikalahkan oleh Portugis pada 1511 Masihi. Namun Sultan Mahmud Syah dan pengikutnya telah berundur ke Bintan dan akhirnya ke Kampar di Sumatera. Anaknya Sultan Mahmud Syah yang bergelar Sultan Alauddin Riayat Syah kemudiannya mengambil alih kewibawaan Melaka di Johor pada 1528 Masihi. Sehubungan itu *Sulalatus Salatin* atau Sejarah Melayu merupakan sebuah karya agung yang istimewa, yang agung, sebuah *magnum opus* yang tidak ada tolok bandingnya. Karya *Sulalatus Salatin* adalah istimewa dari beberapa segi iaitu usia, bahasa, isi, sejarah, gaya naratif, rujukan sastera, budaya, adat istiadat, pakaian, persenjataan, ketatanegaraan dan sebagainya.

Sehubungan itu keistimewaan karya *Sulalatus Salatin* merupakan sebuah karya histrografi tradisional yang turut mengangkat khasiat tumbuhan herba yang amat bernilai tinggi. Tumbuhan herba merupakan rahmat yang tidak ternilai kepada manusia bukan sahaja dijadikan makanan malahan tumbuhan herba dianggap mempunyai banyak khasiat dan faedah yang dapat digunakan dalam kehidupan orang Melayu sehari-hari termasuklah penggunaan tumbuhan herba dalam bidang perubatan tradisional Melayu.

Walau bagaimanapun, penggunaan tumbuhan herba dalam bidang perubatan tradisional Melayu dikatakan mustajab dalam menyembuhkan penyakit tertentu atau pun membasmikan berbagai jenis penyakit yang ditanggung oleh pesakit. Selain itu, meneliti suatu peristiwa dari awal kebangkitan zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka iaitu sewaktu institusi pemerintahan Sultan Muhammad Syah hingga kejatuhan pemerintahan Sultan Mahmud Syah dalam *Sulalatus Salatin* didapati banyak mengangkat khasiat tumbuhan herba yang menjadi suatu amalan masyarakat Melayu Melaka. Tumbuhan herba berpotensi sebagai makanan, merawat, mencegah dan menyembuhkan penyakit tertentu dan mengekalkan kesihatan tubuh badan orang Melaka. Ini menunjukkan kehidupan orang Melayu Melaka telah pun mengenal penyakit dan mengetahui tentang khasiat tumbuhan herba untuk kebaikan tubuh badan dalam mengutamakan penjagaan kesihatan sebagai menjauhi penyakit yang tidak diingini dan mengamalkan makanan yang berkhasiat untuk mengekalkan stamina tubuh badan. Terdapat kepelbagaiannya tumbuhan herba dan fungsi penggunaan setiap tumbuhan herba yang dinyatakan dalam teks *Sulalatus Salatin* untuk kesejahteraan hidup.

5.1 Buah Kuras

Sulalatus Salatin memperkenalkan tumbuhan herba mempunyai nilai yang sangat tinggi dalam mengawal jangkitan penyakit. Tumbuhan herba bukan sekadar ulam-ulaman atau sayur-sayuran dalam makanan tetapi mempunyai banyak kepentingan dan khasiat dalam asas penjagaan kesihatan tubuh badan sama ada penjagaan kesihatan luaran atau pun penjagaan kesihatan dalaman. Tumbuhan herba turut dijadikan sebagai ulam-ulaman dan bukan sekadar menambahkan kelazatan makanan malahan baik untuk kesihatan tubuh badan. Menurut Ismail Saidin (2000), sayuran ialah sumber makanan terpenting di samping makanan utama orang Melayu ialah nasi. Sayuran atau ulam-ulaman



telah menjadi makanan tambahan orang Melayu Melaka turut diperangkat oleh pengarang sepermima pada petikan peristiwa dalam teks *Sulalatus Salatin* dibawah:

Sebermula kedengaranlah ke Singapura, maka oleh Seri Rakna Wikrama disuruh baginda panggil, maka Badang pun datang mengadap; maka dilihat baik akhlaknya, dijadikan baginda “sandim sani”. Berapa lamanya Badang menjadi hamba ke bawah duli baginda, maka ada pada suatu hari Seri Rakna Wikrama santap hendak **berulam buah kuras**.

(Samad Ahmad, 2010: halaman 49)

Berdasarkan petikan peristiwa diatas menerangkan tentang amalan makan ulam-ulaman seperti buah kuras telah menjadi kelaziman sebagai juadah dalam makanan orang Melayu. Ini menunjukkan orang Melayu telah menitikberatkan aspek penjagaan kesihatan tubuh badan melalui pemakanan berkhasiat dan amalan warisan semenjak zaman nenek moyang mereka secara tradisi. Justeru buah kuras adalah mempunyai rasa yang kelat dan penawar mencegah terkena penyakit. Amalan makan ulam-ulaman buah keras sebagai menambah selera makan dan menjauhi penyakit. Menurut Ismail Saidin (2000) yang menyatakan ulam dan pucuk ialah bahagian-bahagian tumbuhan seperti bunga, buah, batang, rizom dan pucuk yang segar dan sekulen dimakan secara mentah bersama dengan nasi. Sehubungan itu, ulam-ulaman dan pucuk dianggap dapat meransangkan selera makan sehingga ia akan menjadikan seseorang itu makan nasi lebih enak dan berselera.

5.2 Kunyit

Sulalatus Salatin turut mengangkat khasiat kunyit yang menjadi amalan orang Melayu Melaka dalam menjaga kesihatan tubuh badan. Amalan makan nasi kunyit menjadi makanan kegemaran orang Melayu Melaka yang sememangnya sangat gemar makan nasi kunyit. Amalan makan nasi kunyit dapat membekalkan tenaga, mencegah terkena penyakit, menyembuhkan luka, sihat tubuh badan yang menjadi amalan orang Melayu Melaka dalam mengekalkan kesihatan tubuh badan sepermima dalam petikan dibawah:

Adapun akan Sultan Ahmad, sekaliannya baik, lagi dengan murahnya; tetapi hanya suatu celanya, sebab tiada kasih akan segala Orang Besar-besar dan segala pegawai, melainkan yang dikasih baginda segala orang muda-muda dengan segala hamba orang muda-muda itu sudah dimakan di dalam, ayam suapan dan **nasi kunyit** atau barang sebagainya, maka apabila Orang Besar-besar datang mengadap Sultan Ahmad, didapatinya mereka itu tengah makan, maka dikias-kiasnyalah segala Orang Besar-besar itu, katanya, “Mana rimah **nasi kunyit** dan tulang ayam suapan yang kita makan tadi?”

(A. Samad Ahmad, 2010: halaman 271)

Dalam bidang perubatan kunyit mempunyai khasiat dan kegunaan sebagai antioksidan, antibakteria, antiradang dan antikanser. Pengamalan kunyit juga berupaya membantu menyembuhkan luka di dalam tubuh badan, membersihkan



dan menghalang pembekuan darah, melancarkan peredaran darah, membantu proses pencernaan dan menghilangkan penyakit selsema. Selain itu kunyit berfungsi dapat menyembuhkan luka, seluruh anggota tubuh badan dan penyakit kudis yang ditanggung oleh tubuh badan seseorang.

Selain itu, nasi kunyit yang menjadi kegemaran orang Melaka adalah turut menjadikan beras kunyit dijadikan sebagai barang hantaran dan barang hadiah kerajaan setelah kemangkatan pemerintahan Sultan Muhammad Syah. Hal ini adalah boleh dilihat seperti berikut:

Setelah enam puluh tujuh tahun lamanya Sultan Muhammad Syah di atas kerajaan, datanglah pada peredaran dunia, maka baginda pun kembalilah ke rahmat Allah Taala, *kalu inna li'lлаhi wa inna ilaihi raji'un*. Maka dikerjakan oleh segala Orang Besar-besar seperti adat kerajaan, diperbuatnya raja-diraja berulas kekuningan. Maka segala alat dinaikkan ke atas raja-diraja; orang menyelampai enam belas buah raja-diraja; dan perasanen enam belas raja-diraja; empat orang pada satu raja-diraja dan diannya enam belas raja-diraja; orang yang menyelampai tetampan enam belas raja-diraja; derma emas perak di cepur dengan **beras-kunyit** empat raja-diraja; derma kain berkudi-kudi empat raja-diraja.

(A. Samad Ahmad, 2010: halaman 83)

Nasi kunyit adalah sejenis nasi yang dimasak dengan campuran beras dan kunyit. Nasi kunyit menghasilkan nasi berwarna kuning. Nasi kunyit enak dimakan dengan lauk ayam gulai. Pada zaman dahulu, nasi kunyit merupakan hidangan istimewa dan menjadi santapan golongan istana termasuk raja dan menteri yang menikmati hidangan nasi kunyit.

5.3 Buah Jambu Laut

Sulalatus Salatin adalah turut mengangkat khasiat buah jambu laut. Buah jambu laut adalah berpotensi dalam perubatan tradisional khususnya menyembuhkan sakit perut dan juga cirit-birit. Hal ini adalah boleh diteliti dalam petikan *Sulalatus Salatin* seperti berikut:

Setelah angin musim bertiup, maka Demang Mangku Negara pun belayarlah sekaliannya menyeberang, dialah panglimanya. Berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Singapura. Tiada sempat orang Singapura mengeluari lagi, segala rakyat Jawa sudah pun naik mengepung kota Singapura itu. Diceriterakan oleh yang empunya ceritera ini, ada **sepohon jambu laut**, tempat rakyat Jawa menyandarkan tombaknya itu condong. Zaman Aceh mengalahkan negeri raja itu diterbangnya.

(A. Samad Ahmad, 2010: halaman 70)

5.4 Buah Gandasuli

Buah gandasuli atau disebut sebagai gondasuli atau tentulang terbang (*Hedychium coronarium*) adalah sejenis tumbuhan herba yang mempunyai



banyak khasiat kegunaan dalam bidang perubatan tradisional Melayu. Pohon gandasuli adalah berasal dari India Timur Laut sampai ke Pantai Timur China. Selain itu khasiat gandasuli adalah keratan rimpang atau umbi batang pohon gandasuli adalah berguna dalam tujuan perubatan. Rimpang ini adalah mempunyai rasa yang pahit dan pedas ketika dimakan. Kandungan bahan kimia yang terkandung dalam pohon gandasuli adalah glukosa, albumin dan resin, selulosa dan berbagai asam organik. Khasiat perubatan dengan pohon gandasuli adalah termasuklah membantu perpuhan dan peransang enzim pencernaan. Selain itu pohon gandasuli adalah banyak digunakan untuk menyembuhkan penyakit seperti sakit kepala, demam, keradangan, gangguan pencernaan, luka, lebam dan sebagainya. *Sulalatus Salatin* turut menyatakan mengenai buah gandasuli sepertimana dalam petikan dibawah:

Setelah demikian fikir baginda Mani Purindan, maka baginda pun berangkatlah dengan beberapa buah kapal, lalu belseyar hendak ke Melaka. Setelah datang ke Tanjung Jambu Air, maka angin pun turunlah terlalu kencang; maka kapal baginda Mani Purindan pun tenggelam. Baginda Mani Purindan pun terjun ke air, terselimpang di belakang ikan alu-alu, hendak naik mencapai segala anak kayu yang tumbang itu, semuanya merebahkan dirinya. Maka baginda berpaut pada **pohon gandasuli**, lalu naik ke darat berjalan dengan letihnya dan lapar serta dahaganya. Maka didengarnya bunyi burung terkukur itu dilihatnya ada. Setelah dekat maka burung terkukur itu terbang, diikutnya pula; apabila baginda Mani Purindan berhenti, terkukur itu pun ikut berhenti. Diceriterakan yang empunya ceritera, ada dua hari dua malam baginda Mani Purindan mengikut terkukur itu, apabila ia berhenti terkukur itu pun berhenti, dengan demikian maka teruslah ke bendang orang. Sebab itulah dipersumpahkan oleh baginda Mani Purindan-segala anak cucunya tiada boleh makan ikan alu-alu; tiada boleh bermain burung terkukur dan memakai **bunga gandasuli**.

(A.Samad Ahmad, 2010: halaman: 81)

5.5 Sirih

Sirih mempunyai nilai komersial dalam perubatan tradisional. Manakala daun sirih yang boleh dimakan sepanjang hidangan utama seperti ulam-ulaman daun sirih dan boleh juga digunakan untuk membungkus makanan. Daun sirih mempunyai banyak khasiat iaitu air rebusan daun sirih adalah baik untuk menyembuhkan sakit perut dan sakit tekak. Daun sirih juga boleh direbus dan diminum untuk menghilangkan keputihan wanita dan menghilangkan bau badan. Manakala akar dan buah daun sirih adalah boleh merawat penyakit malaria dan juga asma. Disebabkan sirih mempunyai potensi yang tinggi akan khasiatnya adalah sirih diangkat dalam kehidupan masyarakat Melayu Melaka dalam *Sulalatus Salatin*. Selain itu sirih dijadikan makanan, sirih dalam *Sulalatus Salatin* turut diangkat sebagai barang hantaran. Ketinggian martabat sirih dalam *Sulalatus Salatin* adalah sepertimana berikut:



Maka Sultan Alau'd-Din sehari-hari menyuruh menghantar hidangan berjenis-jenis daripada santapan, serta baginda menyuruh berhadir kelengkapan akan bekerja itu. Selang beberapa hari antaranya, maka Sultan Pahang pun bersegeralah menghantar **sirih** dengan emas belanja, seperti adat segala raja-raja menghantar **sirih**, demikianlah dikerjakan orang.

(A. Samad Ahmad, 2010: halaman 299-300)

Sirih dalam *Sulalatus Salatin* berfungsi sebagai bahan pembersih mulut dan mewangikan mulut yang menjadi suatu amalan orang Melayu Melaka. Ini menunjukkan masyarakat pada zaman tersebut telah menjaga kebersihan tubuh badan mereka. Justeru itu, amalan makan sirih menunjukkan orang Melayu Melaka telah tahu menjaga kebersihan gigi dan kebersihan mulut dan mengutamakan kesihatan tubuh badan mereka dengan mengamalkan tumbuh-tumbuhan dalam kehidupan. Hal ini adalah dilihat dalam peristiwa tersebut.

Setelah hari siang maka keduanya pun bangunlah; maka kata Wan Empuk kepada Wan Malini, "Mari kita lihati, apa yang terang bercahaya di Bukit Si Guntang semalam itu. Maka kata Wan Malini, "Marilah". Maka keduanya basuh muka dan makan **sirih** lalu turun berjalan.

(A. Samad Ahmad, 2010: halaman 20)

Petikan teks diatas menceritakan tentang tabiat Wan Empuk dan Wan Malini yang menjadikan sirih sebagai pembersih mulut. Ini kerana peristiwa Wan Empuk dan Wan Malini yang bangun seawal pagi dan terus membasuh muka dan makan sirih. Ini menunjukkan sirih telah diperangkat dalam *Sulalatus Salatin* yang mempunyai banyak khasiat dalam menjaga kebersihan gigi dan mulut serta menjaga kesihatan tubuh badan manusia.

Selain itu orang Melayu juga turut menghidangkan sirih sebagai hidangan makanan untuk memuliakan tetamu yang bertandang ke istana atau tetamu yang datang ke rumah selalunya akan dihidangkan dengan sirih sebagai juadah utama. Hidangan sirih kepada tetamu sebagai tuan rumah menerima kedatangan tetamu dan mengeratkan hubungan siraturrahim dan meluaskan jalinan hubungan diplomatik antara negara. Keadaan ini dapat dilihat dalam peristiwa tersebut:

Hatta berapa lamanya, Tun Tahir dan Tun Mutahir pun besarlah; akil balighlah ia, tahlulah ia berkehendak hati sendiri. Maka Tun Tahir dan Tun Mutahir pun datang kepada Bendahara Paduka Raja, sembah Tun Tahir dan Tun Mutahir pada Bendahara Paduka Raja, "Tunku, akan sekarang sahaya semua sudah besarlah, orang pun adalah datang kepada sahaya, dan sahaya pun hendak bermain, bergurau dengan segala sahabat handai sahaya; perjamu apa yang sahaya perjamukah? Hendak sahaya beri **makan sirih**, apa sahaya belikan?

(A. Samad Ahmad, 2010: halaman 147)

Maka Seri Teri Buana pun semayamlah di istana sebuah seorang dengan Wan Seri Beni kerajaan dalam Singapura. Terlalulah makmurnya negeri itu, adalah labuhan dagang dari Teluk Tanjung Ru,



sampailah ke parit, kampung orang; dari negeri itu sampai ke Tanah Merah bertemu bumbungan rumahnya dan Demang Lebar Daun. Anak Menteri Bupala dititahkan di Bintan, bergelar Tun Telanai, zaman itu dikurniai **sirihnya** dan air, nasinya makan di balai bertetampan belaka, dan sampai ke anak cucunya bergelar Telanai juga tiada lain, kerana ia asal Bendahara Bintan.

(A Samad Ahmad, 2010)

Sirih turut diperangkat dalam *Sulalatus Salatin* sebagai santapan makanan harian orang Melayu Melaka. Hal ini kerana, sirih sering kali juga dimakan dan digunakan dalam adat istiadat Melayu seperti pertabalan raja, adat peminangan, perkahwinan malahan penggunaan sirih junjung dan sebagainya. Sehubungan itu, kepentingan sirih dalam *Sulalatus Salatin* seperti mana dibawah:

Maka segala cucu-cicit yang duduk hampir Bendahara Lubuk Batu, budak-budak belaka; maka kata Bendahara Lubuk Batu pada seorang cucunya, "Awang, Awang, hendakkah sepah?" Maka sahut cucunya, "Mahu, Datuk." Maka kata Bendahara, "Tumbukkan aku sirih," maka ditumbukkan oleh cucunya, diberikannya kepada Bendahara; maka dikunyah-kunyah oleh Bendahara Lubuk Batu, diberikannya kepada cucunya. Maka ia memandang pula pada seorang lagi cicitnya, katanya, "Engkau hendakkah sepah?" Maka sahut cicitnya, "Mahu, Datuk," maka kata Bendahara Lubuk Batu, "Tumbukkanlah aku **sirih**"; maka ditumbukannya sirih, diberikan pada Bendahara, maka dikunyahlah oleh Bendahara, diberikannya pada cicitnya. Demikianlah sudah seorang, seorang pula.

(A. Samad Ahmad, 2010: halaman 259-260)

Petikan peristiwa diatas menggambarkan tentang amalan makan sirih telah pun diamalkan semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Selain itu, amalan makan sirih turut diperturunkan pula pada anak cucu cicitnya.

Disamping itu, kehidupan orang Melayu pada zaman dahulu juga dikatakan tidak lengkap sekiranya tidak makan sirih. Malahan sirih turut dikaitkan dengan semangat kepahlawanan Melayu semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka untuk membangkitkan semangat keberanian. Sirih dianggap mempunyai banyak kepentingan yang berperanan sebagai penawar penyakit fizikal mahu pun gangguan makhluk halus. Disebalik sirih yang sering kali dimakan dianggap mempunyai kepentingan dalam penjagaan kesihatan yang berperanan dalam mengubati penyakit mulut, tekak dan juga lapisan perut. Justeru itu, Fauziah A. R (2008), khasiat sirih telah pun terbukti secara saintifik yang dianggap mengandungi minyak sari seperti *kadinene*, *kavikol*, *sineol*, *eugenol*, *karvakol* yang bernilai tinggi dalam perubatan tradisional bagi merawat penyakit tertentu seperti keputihan, nafas berbau, badan berbau, batuk, radang selaput lendir mata, *trauchoma*, jantung berdebar-debar, kemurungan, demam selepas bersalin, air susu terlampaui banyak. Oleh itu disebalik peristiwa *Sulalatus Salatin* terkandungnya nilai perubatan yang sangat tinggi dalam bidang perubatan tradisional Melayu. Walau bagaimanapun, Aishah @ Eshah Haji Mohamed dan Abd. Aziz Haji Bidin (2011) turut mengangkat khasiat sirih sebagai ubatan untuk



wanita terutamanya menyucikan organ dalaman tubuh seperti menyucikan rahim, mengubati luka bersalin dan mengubati penyakit keputihan. Selain itu, sirih bukan sahaja boleh diminum malahan sirih boleh dijadikan air mandi iaitu daun sirih selalunya akan direbus dengan bahan lain untuk penjagaan organ dalaman atau pun luaran tubuh seseorang.

Selain itu, kepentingan sirih yang sering kali diperangkat dalam *Sulalatus Salatin* dalam konteks perubatan tradisional Melayu dianggap boleh menjadi penawar luka atau menghilangkan rasa sakit dapat diteliti sepetimana pada petikan dibawah:

Adapun tatkala mula Peringgi melanggar itu, Tun Sallehu'd-Din minta ikat pinggangnya pada cucunya; maka diikat oleh cucunya; maka diikat oleh cucunya, seraya kata cucunya, "Nenek, nenek memakai ikat pinggang Datuk Paduka Raja ini, jangan nenek bawa lari". Lihatlah olehmu." Maka ia pun pergilah keluar mengiringkan Sultan Ahmad. Setelah ia melihat tangan Sultan Ahmad luka itu, maka Tun Sallehu'd-Din pun tampil ke hadapan gajah Sultan Ahmad, beradakkannya tombak dengan Peringgi; maka ditikam oleh Peringgi kena dada Tun Sallehu'd-Din terus ke belakang, rebah, lalu mati. Maka tengah tiga puluh hulubalang Melaka yang pilihan mati, Seri Udani pun luka ari-arinya kena tombak Peringgi. Maka gajah pun diderumkan, Seri Udani pun diusung oranglah dibawa kembali ke rumahnya; maka disuruh oleh tabib dengan seekor **sirih**, kata tabib, "Insya-Allah Taala tiada mengapa, dapat diubat, jika sekali sekerat beras juga lagi masuknya, nescaya Seri Udani mati.

(A. Samad Ahmad, 2010: halaman 269-270)

Petikan teks diatas menunjukkan tentang kepentingan sirih dalam konteks perubatan tradisional Melayu. Justeru itu, sirih digunakan sewaktu menengok penyakit dan menyembuhkan penyakit. Justeru itu, tabib Melayu dikatakan mempunyai kebolehan mengetahui tahap penyakit seseorang dengan hanya menggunakan daun sirih. Malahan daun sirih turut dijadikan sebagai alat pembantu ritual dan ubatan untuk menyembuhkan penyakit tertentu dalam ritual perubatan tradisional Melayu. Menurut Haliza Mohd. Riji (2000), dalam konteks perubatan tradisional Melayu telah menyakini bahawa setiap penyakit sememangnya mempunyai tumbuhan yang sesuai untuk dijadikan sebagai ubat. Sehubungan itu, kebiasaan yang terjadi ialah pengamal perubatan tradisional akan mengenalpasti penyakit kemudian mencari tumbuhan mengikut jenis dan sifat penyakit yang ditanggung oleh pesakit agar penyakit yang dirawat kembali sembah sedia kala. Sementara itu, Aishah Haji Muhamad & A. Aziz Bidin (1993), sirih dalam bidang perubatan tradisional boleh mengubati sakit perut melalui daunnya yang ditumbuk hingga hancur dan ditampalkan pada tempat yang sakit maka sembuhlah penyakit tersebut.

Justeru itu, penggunaan sirih dalam bidang perubatan tradisional Melayu telah memperlihatkan masyarakat Melayu pada zaman dahulu turut mempercayai bomoh, tabib atau pawang dalam usaha menilik, merawat dan menyembuhkan penyakit yang menggunakan tumbuhan ubatan sirih sebagai ikhtiar berubat dalam konteks perubatan tradisional Melayu. Justeru orang Melayu telah



meletakkan keyakinan terhadap kemujaraban sirih pada hierarki tinggi yang boleh dijadikan sebagai ubatan dalam menyembuhkan bermacam penyakit yang ditanggung oleh pesakit. Hal ini kerana berubat berasaskan tumbuhan semulajadi telah diamalkan semenjak warisan nenek moyang dahulu kala lagi. Oleh itu, *Sulalatus Salatin* telah mengangkat tumbuhan tertentu yang boleh dijadikan sebagai ubat penyembuh penyakit.

5.6 Buah Pinang

Buah pinang atau nama saintifiknya dikenali sebagai *areca catechu* dalam kelompok famili arecaceac. Buah pinang adalah rasanya sedikit pahit dan pedas. Dari sudut pandangan *Sulalatus Salatin* buah pinang dianggap amat istimewa dalam kalangan masyarakat di Melaka. Buah pinang sering kali dijadikan sebagai barang hantaran, santapan makanan, tilikan. Ini adalah sejajar dengan sifat fizikal buah pinang yang sedikit keras dan pohon pinangnya agak tinggi yang merujuk kepada keperibadian lelaki yang tinggi dan kuat (Norhuda Salleh, 2014). Buah pinang mempunyai banyak khasiat dan kegunaan untuk menyembuhkan bermacam penyakit seperti sembelit, kurap, balgam, sakit gigi, kayap, resdung, cacing dan sebagainya. Selain itu buah pinang boleh dimakan bersama sirih dan mempunyai khasiat dalam perubatan. Buah pinang mempunyai khasiat dalam menyembuhkan penyakit gout, demam dan juga histeria. *Sulalatus Salatin* mengangkat khasiat buah pinang sepermintaan petikan dibawah:

Alkisah, tersebutlah perkataan raja Cempa, demikian bunyinya diceriterakan oleh yang empunya ceritera; ada **sepohon pinang** hampir istana raja Cempa itu. Pinang itu bermayang, terlalu besar mayangnya; dinantikan mengurai, tiada juga mengurai. Maka kata raja Cempa kepada seorang hambanya, “Panjang olehmu pinang itu, lihat apa ada dalam mayang itu.

(A. Samad Ahmad, 2010: halaman 162)

5.7 Sayur Kangkung

Sulalatus Salatin turut mengangkat kepentingan sayur kangkung sebagai tumbuhan atau sayuran yang dapat dijadikan sebagai makanan dan mempunyai kepentingan untuk menjauhi penyakit tertentu. Justeru itu, sayur kangkung telah diperangkat pada hierarki tinggi oleh *Sulalatus Salatin* sepermintaan pada petikan dibawah:

Adapun Tun Perpatih Putih mengadap raja China, kesepuluh jarinya dibubuhnya sepuluh bentuk cincin; barang siapa menteri China itu memandang legat matanya kepada cincin itu, dihunus oleh Tun Perpatih Putih sebentuk, diberikan kepada menteri yang memandang itu. Demikianlah pada sehari-hari ia mengadap raja China. Maka barang siapa menteri yang memandang cincinnya itu diberinya. Maka titah raja China kepada Tun Perpatih Putih, “Apa kegemaran orang Melaka?” Maka sembah Tun Perpatih Putih, “**Sayur kangkung** tuanku, jangan dikerat-kerat, belah panjang-panjang, iaitulah kegemaran kami semua orang Melaka makan, tuanku”. Maka disuruh oleh raja China **sayurkan**



kangkung, seperti yang dikatakan oleh Tun Perpatih Putih itu. Setelah sudah masak, dihantarkan di hadapan Tun Perpatih Putih; dan orang Melaka sekaliannya pun membabit hujung sayur kangkung itu, serta menengadah, mengangakan mulutnya. Maka kelihatanlah raja China duduk di atas kerusi dalam mulut naga pada mungkur kacanya. Maka barulah dapat dipandang dengan nyata oleh orang Melaka raja China itu. Setelah sekalian China melihat orang Melaka makan sayur kangkung itu maka diturutnya. Sebab itulah orang China tahu makan **sayur kangkung** datang sekarang.

(A. Samad Ahmad, 2010: 133)

Berdasarkan peristiwa diatas menunjukkan, sayuran kangkung telah menjadi pilihan sejak pada zaman Kesultanan Melayu Melaka sebagai juadah makanan harian. Walau bagaimanapun, sayur kangkung yang diangkat dalam *Sulalatus Salatin* dalam konteks sosio budaya telah memperlihatkan orang Melayu pada zaman dahulu telah tahu hal ehwal menjaga kesihatan tubuh. Justeru itu, sayur kangkung bukan sahaja dijadikan ulaman, penambah selera makan malahan boleh dijadikan jus minuman. Selain itu, sayuran kangkung mempunyai khasiat tinggi dalam perubatan tradisional Melayu. Oleh itu, orang Melayu semenjak zaman nenek moyang telah pun menemui akan khasiat sayur kangkung untuk mencegah penyakit tertentu.

Meskipun begitu, Ismail Saidin (2010) yang menyatakan, sayur kangkung ialah herba saka atau pun semusim yang menjalar di atas permukaan tanah yang berair atau pun terapung-apung di atas permukaan air. Batangnya yang lembut, lompong dan berakar pada buku ruas. Justeru itu, terdapat dua jenis sayur kangkung iaitu kangkung air dan kangkung darat. Sehubungan itu, kangkung air ialah mempunyai batang yang berwarna hijau, keunguan atau pun putih dan daunnya pula ialah berbentuk jantung atau pun hastat petiolnya yang panjang. Kebiasaannya kangkung air ialah hidup di atas permukaan air yang cetek seperti di parit, tepi-tepi sungai atau pun kolam. Malahan kadang kala kangkung juga hidup di atas tanah yang lembab secara menjalar akan tetapi daunnya menjadi kecil dan tidak begitu subur. Walau bagaimanapun, kangkung yang sering kali direbus manis yang dimakan bersama nasi dikatakan sebagai penawar penyakit tertentu khususnya mengawal penyakit kencing manis, mengurangkan ketegangan saraf, sakit kepala dan sakit tidur. Malahan sayur kangkung juga dianggap baik untuk mengubati penyakit buasir.

5.8 Sayur Kangkung

Sulalatus Salatin turut mengangkat kepentingan sayur kangkung sebagai tumbuhan atau sayuran yang dapat dijadikan sebagai makanan dan mempunyai kepentingan untuk menjauhi penyakit tertentu. Justeru itu, sayur kangkung telah diperangkat pada hierarki tinggi oleh *Sulalatus Salatin* sepermima pada petikan dibawah:

Adapun Tun Perpatih Putih mengadap raja China, kesepuluh jarinya dibubuhnya sepuluh bentuk cincin; barang siapa menteri China itu memandang legat matanya kepada cincin itu, dihunus oleh Tun Perpatih



Putih sebentuk, diberikan kepada menteri yang memandang itu. Demikianlah pada sehari-hari ia mengadap raja China. Maka barang siapa menteri yang memandang cincinnya itu diberinya. Maka titah raja China kepada Tun Perpatih Putih, "Apa kegemaran orang Melaka?" Maka sembah Tun Perpatih Putih, "**Sayur kangkung** tuanku, jangan dikerat-kerat, belah panjang-panjang, iaitulah kegemaran kami semua orang Melaka makan, tuanku". Maka disuruh oleh raja China **sayurkan kangkung**, seperti yang dikatakan oleh Tun Perpatih Putih itu. Setelah sudah masak, dihantarkan di hadapan Tun Perpatih Putih; dan orang Melaka sekaliannya pun membabit hujung sayur kangkung itu, serta menengadah, mengangakan mulutnya. Maka kelihatanlah raja China duduk di atas kerusi dalam mulut naga pada mungkur kacanya. Maka barulah dapat dipandang dengan nyata oleh orang Melaka raja China itu. Setelah sekalian China melihat orang Melaka makan sayur kangkung itu maka diturutnya. Sebab itulah orang China tahu makan **sayur kangkung** datang sekarang.

(A. Samad Ahmad, 2010: 133)

Berdasarkan peristiwa diatas menunjukkan, sayuran kangkung telah menjadi pilihan sejak pada zaman Kesultanan Melayu Melaka sebagai juadah makanan harian. Walau bagaimanapun, sayur kangkung yang diangkat dalam *Sulalatus Salatin* dalam konteks sosio budaya telah memperlihatkan orang Melayu pada zaman dahulu telah tahu hal ehwal menjaga kesihatan tubuh. Justeru itu, sayur kangkung bukan sahaja dijadikan ulaman, penambah selera makan malahan boleh dijadikan jus minuman. Selain itu, sayuran kangkung mempunyai khasiat tinggi dalam perubatan tradisional Melayu. Oleh itu, orang Melayu semenjak zaman nenek moyang telah pun menemui akan khasiat sayur kangkung untuk mencegah penyakit tertentu.

Meskipun begitu, Ismail Saidin (2010) yang menyatakan, sayur kangkung ialah herba saka atau pun semusim yang menjalar di atas permukaan tanah yang berair atau pun terapung-apung di atas permukaan air. Batangnya yang lembut, lompong dan berakar pada buku ruas. Justeru itu, terdapat dua jenis sayur kangkung iaitu kangkung air dan kangkung darat. Sehubungan itu, kangkung air ialah mempunyai batang yang berwarna hijau, keunguan atau pun putih dan daunnya pula ialah berbentuk jantung atau pun hastat petiolnya yang panjang. Kebiasaananya kangkung air ialah hidup di atas permukaan air yang cetek seperti di parit, tepi-tepi sungai atau pun kolam. Malahan kadang kala kangkung juga hidup di atas tanah yang lembab secara menjalar akan tetapi daunnya menjadi kecil dan tidak begitu subur. Walau bagaimanapun, kangkung yang sering kali direbus manis yang dimakan bersama nasi dikatakan sebagai penawar penyakit tertentu khususnya mengawal penyakit kencing manis, mengurangkan ketegangan saraf, sakit kepala dan sakit tidur. Malahan sayur kangkung juga dianggap baik untuk mengubati penyakit buasir.

5.8 Sayur Keladi

Sayur keladi mempunyai banyak manfaat dalam menjaga kesihatan jantung, menurunkan kadar kolesterol, menurunkan berat badan dan membekalkan



nutrisi dalam tubuh badan. *Sulalatus Salatin* turut mengangkat sayur keladi menerusi peristiwa sepertimana berikut:

Sekali persetua ada seorang, Tun Bahara namanya, orang Pasai, ia datang ke Melaka. Maka Tun Bahara itu pandai terlalu ia bermain catur, tiada siapa menyamai dia pada zaman itu. Maka bercaturlah Tun Bahara itu dengan orang Melaka. Lawannya itu berfikir, ia tiada berfikir, pandang kiri, pandang kanan, sambil ia bersyair, dan berbait, dan bergurindam, dan berseloka. Serta sudah ia perang, berjalan tiada dengan berfikir lagi, terlalu bangat. Maka segala orang yang tahu-tahu bercatur, semuanya alah olehnya, seorang tiada dapat melawan dia, melainkan Tun Pikrama, anak Bendahara Paduka Raja; ia juga yang dapat sedikit melawan Tun Bahara itu, tetapi jikalau lalai Tun Pikrama, digelarkan oleh Tun Bahara itu '**sayur keladi**', dan jika Tun Bahara membuang sebiji bidak ujung ju pun, alah pula Tun Bahara oleh Tun Pikrama, itulah yang tahu bercatur.

(A. Samad Ahmad, 2010: halaman 154)

5.9 Buah Kelapa

Buah kelapa atau disebut nyiur mempunyai manfaat dalam melambatkan penuaan dan baik untuk kesihatan pencernaan tubuh badan manusia. Antara khasiat buah kelapa yang diangkat dalam *Sulalatus Salatin* adalah sepertimana berikut:

Syahadan akan raja Maluku itu terlalu gagah; jika **nyiur** duduk umbi, ditetaknya dengan beladau putus; dan akan Telanai Terengganu pun kuat juga. Jika **nyiur** duduk umbi, ditikamnya dengan lembing, terus menyebelah. Akan Sultan Alau'd-Din pun perkasa; jika **nyiur** duduk umbi dipanah baginda terbayang ke sebelah, Maka Sultan Alau'd-Din terlalu kurnia akan raja Maluku dan Telanai Terengganu.

(A. Samad Ahmad, 2010: halaman 180)

6.0 Perbincangan Kajian Khasiat Tumbuhan Herba dalam *Sulalatus Salatin*

Semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka sememangnya masyarakat Melayu Melaka kaya dengan pelbagai tumbuhan herba dalam kehidupan sehari-hari. Keintelektuan ilmu mengarang Tun Seri Lanang dalam *Sulalatus Salatin* yang menjadikan tumbuhan herba menjadi bahan utama dalam memperihalkan peristiwa bersejarah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Selain itu, kerahsiaan kehebatan dan ketangkasaran pahlawan Melayu Melaka dalam melawan musuh adalah disebabkan menjaga pemakanan dan mengamalkan gaya hidup yang sihat dalam mengekalkan kesihatan tubuh badan. Keadaan ini menunjukkan masyarakat Melayu Melaka pada zaman dahulu telah mempunyai ilmu pengetahuan dalam mengutamakan penjagaan kesihatan tubuh badan pahlawan-pahlawan Melaka dengan amalan tumbuhan herba dalam membantu meningkatkan stamina fizikal dan dalaman tubuh badan agar senantiasa kuat, sihat, menyembuhkan luka kesan peperangan serta dijauhi jangkitan penyakit. Aspek fizikal yang merangkumi tubuh badan sama ada luaran atau dalaman seharusnya dijaga dengan baik. Penelitian mendapati pahlawan Melayu Melaka yang gemar mengembara dari satu tempat ke tempat yang lain disamping menjalinkan hubungan diplomatik antara



jajahan sekitar dan terlibat dalam pertaruhan musuh dalam usaha mempertahankan negara kota Melaka. Amalan ini seharusnya dijadikan tauladan dan sebagai usaha memupuk budaya masyarakat mempratikkan memakan ulam-ulaman segar atau sayuran dalam sajian makanan untuk kesihatan yang baik. Bagi Hamka, Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (2007) menyatakan mengambil makanan bukan hanya sekadar untuk mengisi dan mengenyangkan perut tetapi bertujuan untuk menguatkan tubuh. Apabila tubuh badan kuat dan sihat ia melahirkan masyarakat Melayu Melaka yang berkeupayaan mempertahankan negara kota daripada serangan musuh.

Sememangnya ramai yang tidak mengetahui khasiat sebenar tumbuhan herba dalam penjagaan kesihatan tubuh badan dan kesejahteraan hidup manusia. Penelitian mendapati tumbuhan herba yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin* adalah mempunyai nilai yang sangat berharga sebagai bahan masakan, ulam-ulaman atau sayuran, perubatan. Tumbuhan herba yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin* merangkumi tumbuhan herba dalam kategori tumbuhan liar, sayuran atau pun ulam-ulaman dan rempah dalam masakan. Tumbuhan herba yang dipraktikkan dalam kalangan masyarakat Kesultanan Melayu Melaka merupakan petua dan amalan masyarakat dahulu kala. Misalnya dalam *Sulalatus Salatin* mempratikkan amalan memakan sirih sebagai santapan rutin masyarakat Melayu Melaka dalam kehidupan harian mereka.

Sekiranya ditelitikan, tumbuhan herba adalah sejenis tumbuhan kecil yang batangnya adalah lembut tetapi tidak berkayu, daunnya adalah boleh dibuat makanan, ubat dan pewangi. Opara dan Chohan (2014) menyatakan tumbuhan herba mempunyai nilai tinggi dari segi perubatan dan khasiat makanan. Ia juga digunakan untuk tujuan masakan dan biasanya dimakan dalam jumlah yang kecil dan digabungkan dengan makanan lain. Semua bahagian pokok herba iaitu daun, akar, kulit kayu, buah, biji, bahagian-bahagian lain adalah boleh digunakan.

Tumbuhan herba mempunyai potensi yang sangat tinggi khususnya dalam perubatan tradisional. Sehubungan itu masyarakat Melaka dalam *Sulalatus Salatin* telah mempergunakan tumbuhan herba yang ada di sekeliling mereka untuk merawat penyakit yang dihadapi disamping dijadikan sebagai penambah rasa masakan, santapan makanan, penjagaan kesihatan tubuh badan, barang hantaran perdagangan, barang hantaran perkahwinan dan sebagainya. Ini menggambarkan ikatan kuat antara masyarakat Melaka dalam *Sulalatus Salatin* dengan alam disekeliling mereka dan manfaatkan tumbuhan herba dalam kehidupan sehari-hari mereka. Selain itu tumbuhan herba yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin* ini menggambarkan masyarakat *Sulalatus Salatin* telah memperolehi ilmu pengetahuan yang cukup meluas mengenai khasiat tumbuhan herba. Ini kerana masyarakat pada zaman tersebut sudah arif dalam mengenal pasti tumbuhan herba yang boleh dijadikan makanan, ubatan, racun dan sebagainya.

Disamping menggambarkan kehidupan masyarakat pada zaman kerajaan Melaka telah menitikberatkan penjagaan kesihatan tubuh badan mereka apabila memanfaatkan tumbuhan herba yang ada dipersekutuan mereka sebagai bahan dalam masakan, merawat, penyembuhan penyakit, luka terkena senjata dan sebagainya. Antara tumbuhan herba yang sering kali digunakan oleh masyarakat Melaka dalam *Sulalatus Salatin* adalah seperti sirih, kunyit, gandasuli, sayur kangkung, sayur keladi dan sebagainya. Dalam menyembuhkan keadaan sakit dalam kehidupan masyarakat dalam *Sulalatus Salatin* adalah menggunakan sumber alam seperti tumbuhan herba sebagai



bahan utama penawar dalam penyakit. Ia seharusnya dijadikan iktibar dan tauladan dalam kehidupan masyarakat kini tentang betapa pentingnya khasiat mengamalkan tumbuhan herba untuk kesihatan tubuh badan manusia. Oleh itu pendokumentasian tumbuhan herba yang telah dipraktikkan dalam masyarakat Melayu Melaka dalam *Sulalatus Salatin* dapat dijadikan pedoman yang harus diteladani dalam kehidupan. Penggunaan tumbuhan herba dalam *Sulalatus Salatin* yang diselitkan dengan peristiwa sejarah adalah diselitkan dengan cerita berunsur humor dan rentetan peristiwa sejarah kota Melaka pada masa lampau.

Boleh dikatakan juga kehidupan masyarakat Melayu Melaka pada zaman silam dalam *Sulalatus Salatin* adalah banyak bergantung sepenuhnya urusan harian mereka kepada sumber hutan yang ada di persekitaran mereka sebagai makanan dan penjagaan kesihatan menerusi pelbagai sumber tumbuhan herba yang boleh dimakan untuk memastikan tubuh badan kekal sihat dan bertenaga setelah sehari-sarang suntuk kepenatan dalam pertarungan melawan musuh, perluasan penaklukan jajahan dan sebagainya. Sehingga tumbuhan herba dalam teks *Sulalatus Salatin* turut dijadikan sebagai hantaran, hadiah, juadah yang diselitkan dalam dialog peristiwa yang diceritakan dalam karya *Sulalatus Salatin* yang menjadikan penceritaan *Sulalatus Salatin* menarik tatapan pembaca.

Sulalatus Salatin mencerminkan kehidupan masyarakat Melayu Melaka yang bukan sahaja handal dalam ilmu hulubalang dan kepahlawanan Melayu yang tangkas melawan musuh tetapi sangat kaya dengan ilmu pengetahuan tentang khasiat pelbagai jenis tumbuhan herba yang boleh dijadikan makanan, ubatan dan sebagainya. Keintelektuan yang tinggi yang dimiliki oleh masyarakat Melayu Melaka adalah disebabkan amalan menjadi kebiasaan kehidupan yang tinggal dengan kawasan hutan dan mewarisi ilmu pengetahuan dan cara penyediaan tentang khasiat tumbuhan herba daripada nenek moyang mereka yang terdahulu. Keadaan ini menjadikan kehidupan masyarakat tersebut adalah kebergantungan sepenuhnya terhadap amalan dan pengubatan secara tradisi dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Adalah menjadi suatu amalan masyarakat Sulalatus Salatin setiap perkarangan rumah ditanam dengan tumbuh-tumbuhan yang boleh digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Misalnya seperti kunyit, kangkung, pohon pinang dan sebagainya. Setiap perkarangan rumah sudah pasti akan bercucuk tanam tumbuhan herba sama ada sebagai perhiasan, pembekal aroma bahan masakan, ulam-ulaman dan perubatan. Noraini Mohd Kair (2010) menyatakan tumbuhan herba merujuk kepada tumbuhan renik yang mempunyai batang yang lembut dan mengandungi banyak air. Secara umumnya tumbuhan herba adalah menjadi bahan dasar dalam perubatan, masakan dan juga sebagai makanan kesihatan sejak dahulu lagi. Manakala Imam Al-Suyuti salah satu prinsip atau kaedah perubatan yang berkesan ialah berubat dengan bahan herba tempatan (Abdullah al-Qari, 2006).

Sehubungan itu, tumbuhan herba dalam dalam *Sulalatus Salatin* adalah memperlihatkan kreativiti pengarang khususnya Tun Seri Lanang sebagai pengarang teks *Sulalatus Salatin* yang telah mendedahkan suatu khasiat tumbuhan herba sebagai makanan, ubat dan sebagai barang hantaran dan sebagainya yang diselitkan dalam urutan peristiwa tertentu yang menarik. Unsur humor yang diselitkan dalam dialog peristiwa watak mengenai khasiat tumbuhan herba dalam teks *Sulalatus Salatin* adalah menjadikan cerita yang dipersembahkan adalah sangat menarik dan pada masa yang sama



menggambarkan masyarakat Melaka adalah sepenuhnya bergantung tumbuhan herba untuk meneruskan kelangsungan hidup. Disamping masyarakat Melaka menitikberatkan dan mengutamakan aspek penjagaan kesihatan tubuh badan dengan memakan makanan yang berkhasiat untuk mengekalkan kesihatan tubuh badan.

Selain itu dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dalam *Sulalatus Salatin* sememangnya kaya dengan tumbuhan herba yang terdapat di persekitaran mereka adalah berkhasiat dan bermanfaat untuk kesihatan tubuh badan. Kehebatan dan kemahiran pahlawan Melayu Melaka hanya bersenjatakan keris, tombak dan lembing dalam pertarungan menentang musuh dan ini membawa kepentingan tumbuhan herba yang berfungsi sebagai penawar dan penyembuh akibat luka yang dialami pada tubuh badan, kekal sihat dan dijauhi penyakit.

Selain itu, ketinggian ilmu dan kreativiti pengarang Tun Seri Lanang ini seharusnya dijadikan iktibar dan pengajaran tentang kepentingan tumbuhan herba. Selain itu pengetahuan asas mengenai khasiat dan kegunaan tumbuhan herba yang agak jarang dijumpai di sekitar adalah mempunyai banyak kegunaan dan dapat membantu pembaca menerusi pembacaan teks *Sulalatus Salatin* untuk memperkayakan kegunaan tumbuhan herba dalam kehidupan seharian mereka.

Karya *Sulalatus Salatin* sedikit sebanyak membantu pembaca sastera untuk mendapatkan sumber maklumat mengenai khasiat tumbuhan herba dengan mudah menerusi pembacaan karya *Sulalatus Salatin*. Selain itu saranan yang positif bahawa pendedahan meluas mengenai tumbuhan herba harus diperluaskan dalam *Sulalatus Salatin*. Hal ini supaya pembaca dapat mengetahui info tentang manfaat tumbuhan herba yang boleh dijadikan amalan dalam kehidupan. Pengetahuan asas mengenai khasiat dan kegunaan tumbuhan herba sama ada yang dijumpai di kawasan sekitar atau pun ditanam dirumah adalah sedikit sebanyak membantu pembaca dalam memperkayakan tumbuhan herba dalam kehidupan seharian mereka.

Oleh itu tumbuhan herba adalah berpotensi untuk dipasarkan dan dimanfaatkan untuk dikongsi secara bersama kepada masyarakat. Tumbuhan herba bukan sekadar dijadikan produk makanan, ubatan dan sebagainya tetapi tumbuhan herba berpotensi tinggi untuk dimajukan di negara ini.

7.0 Kesimpulan

Sulalatus Salatin ialah sebuah karya agung yang memaparkan pedoman mengenai perihal khasiat tumbuhan herba yang menjadi amalan orang Melayu Melaka. Tumbuhan herba bukan sekadar dijadikan makanan atau sayuran dan penambah kelazatan makanan tetapi terkandung banyak khasiat yang penting sebagai ubat untuk mencegah atau menjauhi seseorang daripada terkena penyakit tertentu. Ia menjadi suatu amalan petua warisan nenek moyang terdahulu dalam meningkatkan taraf kesihatan hidup. Justeru itu, mempratikkan tumbuhan herba dalam kehidupan seharian telah pun diamalkan semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi yang telah mengangkat tumbuhan tertentu yang boleh dimakan, tumbuhan sebagai racun dan tumbuhan herba yang berpotensi dijadikan sebagai sebagai penawar menyembuhkan penyakit dalam rawatan perubatan tradisional Melayu. Ini menunjukkan orang Melayu dahulu kala telah meletakkan sepenuh kepercayaan terhadap kaedah secara tradisi dalam membantu



kelancaran dalam kehidupan sehari-hari. Secara keseluruhan berkaitan dapatkan kajian *Sulalatus Salatin* membuktikan orang Melayu Melaka berabad lamanya dahulu sudah tahu mengenal tumbuhan herba di sekeliling rumah mereka dimana tumbuhan herba yang berkhasiat dan menitikberatkan penjagaan kesihatan tubuh badan secara luaran mahu pun secara dalaman.

Rujukan

- Abdul Rahim Marasidi & Muhammad Alif Redzuan. 2009. *Perhubungan alam tumbuhan, mistik dan ayat al-Quran dalam tradisi perubatan Melayu tradisional*. Dlm. Sains, agama dan budaya di alam Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah al-Qari. 2006. *Ensiklopedia herba-herba sekeliling kita*. Kuala Lumpur: Penerbit Al-Hidayah Publishers.
- Aishah Haji Muhamad & A. Aziz Bidin. 1993. Tumbuhan dari perspektif antropologi. *Jurnal Sari* (11): 99-125.
- Aishah @Eshah Haji Mohamed & Abd. Aziz Haji Bidin. 2011. Wanita Melayu dan tumbuhan ubatan: satu analisis budaya. *Jurnal Melayu* (7): 121-146.
- Amran Kasimin & Haron Din. 1987. *Rawatan pesakit menurut al-Quran dan as-sunnah*.
- Arshad Rawian. 1986. *Penemuan cacing aneh di dasar laut*. Kuala Lumpur: Dewan Siswa (8): 42- 43.
- As'adi Muhammad. 2011. *Kedahsyatan air untuk pelbagai terapi kesihatan*. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.
- A. Samad Ahmad. 2005. *Warisan perubatan Melayu edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Abdul Aziz Juned. 2011. *Berubat dengan perubatan bumi dan perubatan langit*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan Jabatan Perdana Menteri.
- Hamka, Abdulmalik Abdulkarim Amrullah. 2017. *Tafsir al-Azhar*. 10 jilid. (Cet. 7). Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Opara dan Chohan. 2014. Dlm *panduan tumbuhan herba untuk komuniti tempatan*. Kuala Lumpur: Global Environment Centre.
- Fauziah A. R. 2008. *Khasiat tumbuhan hijau untuk perubatan tradisional I*. Selangor: Penerbit Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.
- Fauziah A. R. 2008. *Khasiat tumbuhan hijau untuk perubatan tradisional II*. Selangor: Penerbit Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.
- Haliza Mohd. Riji. 2000. *Prinsip dan amalan dalam perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.



- Hashim Awang A. R. 1988. *Perubatan tradisi isu dan persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Budaya (8): 50-51.
- Ismail Saidin. 2000. *Sayuran tradisional ulam dan penyedap rasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khalid Gadd. 2012. *Ensiklopedia pengubatan herba terapi alternatif kedoktoran Islam*. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.
- Mas Irun Alli. 2005. *Perubatan herba masyarakat Melayu Brunei*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. 1986. *Punca penyakit menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Budaya (6): 26-27.
- Nazri Hussein. 2012. *Tepak sirih simbolisme tradisi terpilih*. Kuala Lumpur: Dewan Budaya (9): 20-22.
- Noraida Arifin. *Penyembuhan semulajadi dengan herba*. 2005. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Noraini Mohd Kair. 2010. *Penawar semulajadi herba secara tradisional*. Kuala Lumpur: Pts Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Norhuda Salleh. 2014. Tepak sirih: komunikasi bukan lisan dalam adat perkahwinan Melayu. *Jurnal Komunikasi*, 30, 177-190.
- Nurul Izzah Ahmad, Aminah Abdullah, Md Pauzi Abdullah, Lee Yook Heng, Wan Rozita Wan Mahiyuddin, Siti Fatimah Daud & Lokman Hakim Sulaiman (2010). Tabiat Pengambilan Ulam- Ulaman di Kalangan Orang Dewasa Pelbagai Etnik di Selangor. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia* 8(2): 27-35.
- Rosidi Zainal. 2011. *Tradisi makan sirih pinang*. Kuala Lumpur: Dewan Budaya (5): 20-21.
- Siti Fuziah Yusof. 2010. *Tumbuhan ubatan liar disekeliling anda*. Selangor: Penerbit Ar-Risalah Product Sdn. Bhd.
- Zuraida Mamat. 2011. *Herba memanjat dan menjalar*. Kuala Lumpur: EI Publications Sdn. Bhd.

